copy to UNIT IT.

Telegrams: "MINLOG KOTA KINABALU"
Fax No.: 088-234076, 236177
Tel. No.: 088-256744
Your Ref.: KKT&P:100-4/16 Jld.2 (220)
Our Ref.:

KEMENTERIAN KERAJAAN
TEMPATAN DAN PERUMAHAN
(MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT
AND HOUSING)
Blok C, Tingkat 2-6, Wisma Tun Fuad Stephens
88999 Kota Kinabalu

18 Mei 2011

Kepada,
Semua Presiden Majlis Perbandaran
Semua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

SURAT PEKELILING (AKAUN) BIL.3/2011 - PERTUKARAN PROSEDUR SEMAKAN TUNTUTAN PEMBERIAN DI BAWAH KEPALA ANGGARAN PERBEKALAN KERAJAAN NEGERI

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang pengkuatkuasaan pertukaran prosedur semakan tuntutan pemberian di bawah Kepala Anggaran Perbekalan Kerajaan Negeri.

2. LATAR BELAKANG

Sehingga kini adalah diwajibkan untuk Pihak Berkuasa Tempatan mengemukakan beberapa dokumen-dokumen untuk menyokong tuntutan pemberian di bawah Kepala Anggaran Perbekalan Kerajaan Negeri seperti Kod Aktiviti Pemberian untuk Pembinaan, Pembaikan dan Penyenggaraan Sistem Saluran Bandar dan Pembetungan serta lain-lain.

Satu mesyuarat di antara Jabatan Bendahari Negeri dan Jabatan Audit Negara serta Kementerian ini telah diadakan pada 12 April 2011 untuk mengkaji semula prosedur semakan tuntutan pemberian. Bagi memudahkan prosedur semakan tuntutan pemberian dan untuk mengelakkan peruntukan terlupus serta mengurangkan beban kerja dihujung tahun di peringkat Kementerian, keputusan telah dibuat untuk mengurangkan dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan untuk menyokong tuntutan pemberian dan pembayaran pembelian tidak lagi berdasarkan kepada peratus siap kerja.

3. KAEDAH PENGUATKUASAAN

3.1 Hanya dokumen-dokumen yang disenaraikan di bawah hendaklah dikemukakan untuk membuat tuntutan:-

3.1.1 Surat Agihan Peruntukan

...2/-

3.1.2 Surat Tawaran Perolehan dari Kementerian ini

3.1.3 Salinan Pesanan Pembelian Tempatan atau Perintah Kerja Am Kerja atau salinan Perjanjian

3.1.4 Salinan Insuran Tanggungan Awam dan Pampasan Pekerja dari Progresive Insurans Sdn. Bhd atau Daftar Perkaso. (Jika ada kaitan).

3.1.5 Salinan Bon Pelaksanaan atau Surat Arahan Potongan Wang Jaminan Pelaksanaan (Jika ada kaitan)

3.2 Semua tuntutan pemberian mesti dikemukakan pada atau **sebelum 30 Ogos** setiap tahun.

4. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

5. PENUTUP

Jika terdapat sebarang kemusykilan tentang surat pekeliling ini, sila berhubung Akauntan Kanan ***Cik Phak Shiu Len*** melalui ***No. Tel: 088-256744.***

Sekian, harap maklum.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH

[DATUK MATIUS SATOR]
Setiausaha Tetap

s.k. Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri
KOTA KINABALU

" Pengarah
Jabatan Audit Negara
KOTA KINABALU

PSL/ry